

132

**SOALAN NO : 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]  
TARIKH : 28 Mac 2018  
SOALAN : 58**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- a) jumlah penduduk di Daerah Manjung, Perak yang mengidap penyakit buah pinggang bagi tahun-tahun 2013, 2014, 2015, 2016, 2017; dan
- b) berapakah jumlah mesin dialisis yang disediakan oleh Kerajaan dan pihak swasta di daerah Manjung dan adakah ia mencukupi.

133

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2010, terdapat sejumlah 2,487 pesakit yang menjalani rawatan dialisis (hemodialisis dan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis*) di negeri Perak, iaitu 541 di pusat awam, 1,313 di pusat swasta dan 633 di pusat NGO. Bilangan meningkat pada tahun 2015, di mana terdapat sejumlah 3,139 pesakit yang menjalani rawatan dialisis di negeri Perak, iaitu 827 di pusat awam, 1,669 di pusat swasta dan 643 di pusat NGO.

Registri Renal Kebangsaan hanya mengumpul data keseluruhan negeri Perak dan bukan mengikut pecahan daerah. Jumlah pesakit daripada 2010 sehingga 2015 adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2010 sebanyak 2,487 pesakit;
- ii. Tahun 2011 sebanyak 2,969 pesakit;
- iii. Tahun 2012 sebanyak 3,042 pesakit;
- iv. Tahun 2013 sebanyak 3,266 pesakit;
- v. Tahun 2014 sebanyak 3,310 pesakit; dan
- vi. Tahun 2015 sebanyak 3,139 pesakit.

[\*Data bagi tahun 2016 dan 2017 belum dikeluarkan lagi]

Jumlah mesin hemodialisis yang disediakan di negeri Perak mengikut Registri Renal Kebangsaan pada tahun 2015 adalah 813, di mana 189 adalah di pusat awam, 438 di pusat swasta dan 186 di pusat NGO. Bilangan ini adalah mencukupi untuk pesakit sedia ada.